

## INTERVIU



# Peranan koperasi penuhi keperluan sejagat

**T**idak cukup wang untuk kahwin? Pinjam koperasi. Kurang modal untuk ubah suai rumah? Pinjam koperasi. Ini hakikat yang berlaku pada masa kini di mana sebilangan masyarakat hanya melihat koperasi sebagai tempat untuk meminjam wang bagi sesuatu tujuan.

Namun, fungsi dan peranan koperasi lebih daripada itu. Untuk ketahui lebih lanjut, ikuti temubual bersama Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah.



**SINAR HARIAN: Boleh Datuk Seri jelaskan konteks koperasi sebenar dalam pengukuhan dan pembangunan sosioekonomi negara?**

**ABDUL FATTAH:** Dari segi sejarah, institusi koperasi pada asalnya ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan masalah golongan petani pada waktu itu. Terdapat eksploitasi oleh orang tengah dalam sistem perjanjian yang mana merugikan mereka. Justeru, sistem koperasi mula diperkenalkan untuk menyelesaikan masalah ini. Kini usia koperasi telah mencapai 100 tahun semenjak ia ditubuhkan pada tahun 1922. Sehingga kini gerakan koperasi masih kekal relevan sebagai satu institusi yang dibangunkan dalam memenuhi keperluan bersama serta giat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Konsep kerjasama menjadi tunjang kepada gerakan ini baik dalam kalangan pemimpin hingga ke anggotanya. Ia merupakan antara kunci kejayaan apa jua aktiviti yang dijalankan oleh koperasi. Koperasi merupakan sebuah platform keusahawanan merentasi agama, bangsa, fahaman politik, jantina dan juga umur. Inilah yang membolehkan gerakan koperasi sentiasa kekal relevan biarpun berdepan dengan pelbagai krisis global yang banyak memberi kesan kepada perusahaan di luar sana. Penerimaan masyarakat terhadap koperasi juga terus meningkat kerana koperasi merupakan wadah yang sentiasa menjaga kepentingan dan keperluan anggotanya.

**Sebagai sebuah organisasi yang diberi tanggungjawab 'mengepal' dan menjadi suara gerakan koperasi, bagaimana Angkasa memastikan ia terus menjadi jentera kesejahteraan masyarakat di negara ini?**

ANGKASA merupakan satu-satunya koperasi atasan yang diiktiraf menyatu dan mewakili gerakan koperasi Malaysia pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) didaftarkan pada 12 Mei 1971 di bawah Ordinan Koperatif 33/1948. Angkasa ditubuhkan hasil resolusi Kongres Kerjasama Malaysia Kedua yang dirasmikan oleh YAB Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Semenjak ditubuhkan Angkasa secara berterusan berusaha meningkatkan keterlibatan koperasi dalam bidang pendidikan dan perniagaan berimpak tinggi bagi membolehkannya memberi perkhidmatan terbaik kepada anggota dan masyarakat.

Selaras dengan itu Angkasa telah mewujudkan Lapan Sektor Pembangunan Perniagaan Koperasi. Program eksplorasi perniagaan baharu dan inkubasi dilakukan di mana Angkasa mulakan sesuatu projek secara sendiri mahupun secara usahasama dan jika ia berdaya maju maka projek tersebut diserahkan kepada koperasi yang berpotensi untuk diteruskan. Ini secara tidak langsung mengurangkan risiko kerugian kepada pihak koperasi. 51 tahun menjulang aspirasi koperasi, Angkasa terus memacu gerakan ini selari dengan hasrat kerajaan khususnya dalam membantu masyarakat mendepani cabaran hidup masa kini terutamanya golongan B40. Pelan Strategik Angkasa 2050 atau PESAN50 menggariskan strategi Angkasa dalam memperkasakan lagi gerakan koperasi selari dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021 - 2025 (TransKom) dan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) yang dibawa oleh pihak kerajaan.

Malah usaha Angkasa memartabatkan gerakan koperasi tidak tertumpu di peringkat domestik sahaja. Hubungan rapat Angkasa bersama International Cooperative Alliance (ICA) atau Ikatan Koperasi Antarabangsa membuka ruang yang lebih besar untuk koperasi meluaskan pasaran produk dan perkhidmatan mereka. Atas dasar

kepercayaan pemimpin koperasi di seluruh dunia, kepimpinan tertinggi Angkasa turut dipilih menduduki jawatankuasa di peringkat antarabangsa. Bukan jawatan yang dikejar tetapi Angkasa mahu lebih banyak kerjasama strategik dapat dijalinan demi manfaat gerakan koperasi di negara ini.

**Mutakhir ini isu keselamatan makanan menjadi topik hangat dan keblimbangan semua pihak. Angkasa dan koperasi ada solusinya?**

Gerakan koperasi secara amnya terlibat dalam hampir kesemua sektor perniagaan yang wujud di negara ini. Di bawah Lapan Sektor Perniagaan Pembangunan Koperasi juga adalah Sektor Perladangan dan Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani. Di bawah sektor ini Angkasa telah menyediakan beberapa pelan dan tindakan strategik bagi membolehkan koperasi bergerak secara tersusun bagi mengatasi isu krisis makanan ini. Projek Heifer's Park salah satunya menumpukan kepada usaha kerjasama bersama National Agricultural Cooperative Federation (NACF), meningkatkan pengeluaran tenusu dan hasil tenusu negara melalui proses kacukan baka lembu. Pada awal bulan ini kita telah menerima 50 ekor lembu yang diterbangkan dari Australia bagi tujuan ini. Lembu tempatan mampu mengeluarkan kira-kira 1.5 hingga 20 liter manakala lembu hasil kacukan ini dijangka mampu menghasilkan antara 25 hingga 30 liter. Dalam jangka panjang ini pasti akan membantu dalam memenuhi permintaan susu dan produk tenusu yang banyak bergantung kepada import dari negara luar.

Angkasa juga sedang berbincang bagi membangunkan tanah-tanah koperasi seluas kira-kira 4,000 hektar di seluruh negara yang tidak diusahakan. Fokus Angkasa buat masa ini adalah penanaman jagung bijian bagi mengatasi isu dedak yang menyumbang kepada peningkatan harga ayam oleh para peniaga. Selain itu Angkasa juga giat membangunkan projek penanaman buah-buahan dan sayuran secara fertlgasi melibatkan 15 buah koperasi dari seluruh negara. Semestinya Angkasa akan memperluaskan lagi jenis perusahaan tanaman secara berperingkat bagi mengatasi isu krisis makanan ini melalui kerjasama koperasi dan juga kerajaan.

Melalui Angkasa Research & Certification Sdn. Bhd. pula, Angkasa membantu pihak koperasi mendapatkan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) bagi memastikan produk sawit keluaran koperasi adalah mampan dan diterima di pasaran global.

**Isu kos sara hidup masih berlarutan blarpun banyak insentif disediakan pihak kerajaan. Bagaimana Angkasa dapat menjadikan koperasi sebagai platform untuk rakyat mendepani cabaran ini?**

Semenjak tahun 2019 lagi Angkasa telah menggerakkan Projek Barang Asas 100 (BA100). Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada masa itu menyatakan Angkasa mempunyai keupayaan bagi membantu rakyat dalam isu kos sara hidup. Projek ini telah diangkat menjadi projek nasional oleh Perdana Menteri pada waktu itu. BA100 merupakan sistem secara dalam talian yang menghubungkan pengguna, peruncit koperasi dan pembekal dalam satu sistem. Platform Jimatshop menumpukan kepada koperasi dan pengguna manakala JimatBiz pula untuk pembekal. Secara dasarnya pesanan dari koperasi akan dikumpul dan dibuat secara pukal oleh Angkasa. Ini sekali gus mengurangkan peranan orang tengah dan membantu koperasi mendapatkan harga berpatutan untuk dijual kepada pengguna. Peniaga pula boleh memeriksa jika stok barangan masih ada tanpa pergi ke pembekal dan membuat pesanan secara terus dalam talian.

Penjimatan kos serta harga barangan berpatutan merupakan tujuan utama BA100 ini diwujudkan. Kini ada 2,179 koperasi yang telah berdaftar dan 600 koperasi sudah mula aktif membuat pesanan. Jika jumlah koperasi yang berdaftar ini terus meningkat maka penjimatan yang dapat dibuat melalui pesanan pukal dari pembekal akan dapat dinikmati oleh koperasi peruncit. Selain itu kita mahu meningkatkan literasi warga koperasi dalam penggunaan teknologi agar gerakan ini sentiasa terkecapan dalam landskap ekonomi yang berubah dengan drastik akibat pandemik Covid-19. Sebagai badan puncak, Angkasa akan terus memainkan peranan memastikan gerakan koperasi ini akan terus berdaya maju dan progresif seiring dengan tanggungjawabnya memudahkan operasi koperasi ahli.